

**Aktiviti 2**

Baca dan fahami petikan. Kemudian, lengkapkan isi tersurat.

Pada suatu malam, Fiza membaca buku. Tiba-tiba, bekalan elektrik terputus. Biliknya menjadi gelap.

Fiza mahu mencari lampu suluh. Bagaimanapun, Fiza tidak dapat melihat apa-apa. Dia tidak dapat menggunakan deria penglihatannya.

Fiza menggunakan deria sentuhnya. Akhirnya, Fiza berjaya menemukan lampu suluh di atas meja. Dia berasa amat lega.

1. Bilik Fiza menjadi gelap kerana _____
2. Fiza mahu mencari _____
3. Fiza tidak dapat menggunakan deria penglihatan kerana _____
4. Fiza mencari lampu suluh dengan menggunakan _____



Nota Guru

- Minta murid melengkapi isi tersurat.